

Kenyataan Tender Bil. 35/2024

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2024/A180	Kerja – Kerja Penyelenggaraan Sistem Air Pancutan (Water Features) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred G5 Kategori ME Pengkhususan M20 Dan M22 Dan E04 Dan E11	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 23 Oktober 2024 (Rabu) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 12 November 2024 (Selasa)
2024/A181	Kerja- Kerja Penggantian Menyeluruh Sistem Penyaman Udara Dan Peralatan Berkaitan Di Pusat Komuniti Sri Petaling Bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G4 Kategori ME Pengkhususan M01 Dan M15 Dan E04 Dan E11	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 5 November 2024 (Selasa) <u>9.30 Pagi – 10.30 pagi</u> Pusat Komuniti Sri Petaling Lot 35206, Jalan 1/149D Bandar Baru Sri Petaling 57000 Kuala Lumpur <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 22 November 2024 (Jumaat)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
3. Dokumen Tender **2024/A181** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
4. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2024/A181** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil seperti berikut:-**

- i. **Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2024/A81)**
 - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB (2024/A181)**
 - iii. **Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (2024/A181)**
 - iv. **Cop Syarikat (Rubber Stamp)**
 - v. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil**
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 23 Oktober 2024 (Rabu)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my